

Kosmo
5/10/2015
m/s 2

Hanya sekolah di Kelantan, Sabah, Sarawak dibuka

Sekolah di Semenanjung tutup

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

ALOR SETAR - Kementerian Pendidikan mengarahkan semua sekolah di Semenanjung Malaysia kecuali Kelantan, Sabah dan Sarawak ditutup dua hari bermula hari ini ekoran jerebu teruk.

Penutupan itu melibatkan lebih 6,700 buah sekolah, 3,779,000 pelajar dan 308,000 guru. Ini merupakan penutupan kali ketiga dalam tempoh sebulan iaitu kali pertama pada 16 September lalu melibatkan semua sekolah di Selangor, Putrajaya, Kuala Lumpur, Negeri

Sarawak dibuat ekoran bacaan IPU di negeri-negeri tersebut meningkat dan mempunyai potensi untuk terus naik.

Mahdzir sebelum itu mengajar 20 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Ampang di sini berkaitan isu perubahan iklim dan tanggungjawab dalam Kempen World's Largest Lesson yang disiarkan secara langsung menerusi

Persekitaran Pembelajaran Maya (Frog VLE) ke lapan buah sekolah di Kedah, Terengganu, Kelantan dan Johor.

Mahdzir memberitahu, semua sekolah



INFO Kesan-kesan jerebu

Negeri, bilangan sekolah ditutup

Negeri	Sekolah	Murid	Guru
Johor	1,178	622,210	49,435
Kedah	745	376,561	32,044
Melaka	313	157,609	13,798
Negeri Sembilan	473	200,112	17,891
Pahang	731	276,627	26,275
Perak	1,098	422,150	40,306
Perlis	104	48,062	4,817
Pulau Pinang	398	258,527	20,461
Selangor	930	922,849	62,101
Terengganu	499	241,315	22,172
Kuala Lumpur	304	232,898	17,981
Putrajaya	25	20,325	1,656
Jumlah	6,798	3,779,245	308,937

Penutupan lapangan terbang

- 6.35 pagi hingga 11.30 pagi - Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) di Subang
- 7.20 pagi hingga 9.30 pagi - Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di Alor Setar
- 7.20 pagi hingga 10.45 pagi - Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh

INFO IPU

	9 PAGI	1 PETANG	5 PETANG
Selangor			
Banting	249	217	182
Pelabuhan Kelang	43	227	190
Petaling Jaya	256	218	183
Shah Alam	308	266	197
Kuala Lumpur			
Batu Muda	271	227	184
Cheras	184	177	158
Putrajaya	235	217	183
Johor			
Muar	147	136	119
Negeri Sembilan			
Nilai	198	184	162
Port Dickson	190	176	151
Seremban	200	184	162
Melaka			
Bandaraya Melaka	173	157	135
Bukit Rambai	176	158	135
Pahang			
Balok Baru	134	115	102
Indera Mahkota	114	103	92
Perak			

Sembilan dan Melaka.

Pada 28 September lalu, seluruh sekolah di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Negeri Sembilan, Pahang, Tanjung Malim (Perak) serta Bahagian Sri Aman, Kuching dan Samarahan di Sarawak diarah tutup.

Bagaimanapun, menterinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid (**gambar kecil**) berkata, bagi Kelantan, Sabah dan Sarawak, semua sekolah beroperasi seperti biasa.

"Pihaknya akan membuat pemantauan pada setiap jam dan sekiranya bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) meningkat secara mendadak arahan menutup sekolah juga akan dilakukan," kata beliau pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut beliau, keputusan menutup semua sekolah di Semenanjung kecuali Kelantan, Sabah dan

yang diarah tutup termasuk arahan yang dikeluarkan Kementerian sebelum ini tidak perlu diganti hari persekolahannya.

"Kita juga bersetuju semua murid, guru dan pekerja sekolah kecuali pengawal keselamatan tidak perlu hadir ke sekolah sepanjang hari penutupan sekolah tersebut," jelas beliau.

Beliau pada masa sama turut mengumumkan bahawa peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) hanya akan ditangguhkan sekiranya negara diisytihar darurat akibat jerebu.

"Kita akan mengambil langkah-langkah untuk bantu pihak sekolah sepanjang peperiksaan berlangsung yang mana salah satunya adalah

Penutupan UiTM

- Universiti Teknologi Mara (UiTM) menangguhkan jadual kuliah di semua cawangannya di Selangor hari ini namun peperiksaan akhir pelajar diploma diteruskan mengikut jadual
- Warga kerja UiTM juga dikehendaki hadir bertugas seperti biasa

Peperiksaan Ujian Penilaian Kelas Kafa (UPKK)

- Peperiksaan Ujian Penilaian Kelas Kafa (UPKK) pada Isnin dan Selasa melibatkan 207,343 calon bagi mata pelajaran Ulum Syariah, Sirah, Jawi dan Khat ditangguhkan

Penutupan Tabika

- Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) ditutup di seluruh negeri di Semenanjung kecuali di Kelantan, Sabah dan Sarawak

Takwim Peperiksaan 2015

- Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) - 12, 13 dan 15 Oktober 2015
- Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) - 19, 20 dan 21 Oktober 2015 dan 26 dan 27 Oktober 2015
- Pentaksiran Pendidikan Asas Vokasional - 12, 13 dan 15 Oktober 2015
- Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) - 2 November hingga 8 Disember 2015

Jerebu semakin buruk
3,000 sekolah ditutup hari ini

- Lebih 1.8 juta pelajar tidak dibenarkan bersekolah
- Selangor tangguh Ujian Penilaian Sekolah Rendah Agama
- UiTM tangguh kuliah di semua kampus cawangan di Selangor
- 8 penerbangan batal

KERATAN Kosmo! 28 September 2015.

KERATAN Kosmo! 28 September 2015.

mengarahkan Jabatan Pendidikan negeri memastikan

setiap pelajar dibekalkan topeng muka," kata beliau.


Perak SK Jalan Pegoh	175	193	185
Kedah Alor Setar	147	159	163
Pulau Pinang Seberang Jaya 2	166	176	184
Perlis Kangar	85	90	101
Terengganu Kuala Terengganu	115	124	124
Kelantan Kota Bharu	78	83	87

IPU
0-50
51-100
101-200
201-300
301-400
500

Status
Baik
Sederhana
Tidak Sihat
Sangat Tidak Sihat
Berbahaya
Darurat

“Semua murid, guru dan pekerja sekolah kecuali pengawal keselamatan tidak perlu hadir ke sekolah sepanjang hari penutupan sekolah

MAHDZIR KHALID



KAKITANGAN Prudential Bank Simpanan Nasional (BSN) Takaful memungut sampah di sepanjang pantai di Batu Hitam hingga ke pantai Awana Kijal Kemaman, Terengganu semalam walaupun dalam keadaan berjerebu teruk.